

Perjanjian Perdagangan Timbal Balas AS-Malaysia

PM pertahan AGC, kenyataan tiada unsur politik

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim mempertahankan kenyataan dikeluarkan Jabatan Peguam Negara (AGC) berhubung Perjanjian Perdagangan Timbal Balas (ART) bersama Amerika Syarikat (AS), dengan menolak ia bersifat politik.

Perdana Menteri berkata, AGC mempunyai kedudukan yang penting dalam memberikan input bagi memastikan undang-undang yang ditandatangani tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang negara.

"Ulasan AGC itu diperlukan bagi memastikan tiada peruntukan bercanggah dengan semangat Perlembagaan. Kita tidak mahu menandatangani undang-undang bercanggah dengan semangat Perlembagaan atau undang-undang negara.

"Kenyataan dikeluarkan AGC kerana mereka teliti. Janganlah kata politik. AGC teliti kemudian berikan pandangan dan pertahan-

kan keputusan. Apa yang politiknya. Apa salahnya? Kalau kita minta AGC buat kenyataan baharu semata-mata untuk mempertahankan kerajaan, itu baharu politik.

"Saya bukan hendak mempertahankan AGC, namun keputusan yang dibuat dalam Jemaah Menteri kita ubah suai setelah mendapat input dari peguam negara. Itu cara kita kerja dan saya tegaskan dari segi undang-undang dan perjanjian antara negara. AGC itu mempunyai kedudukan penting," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT), di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Datuk Seri Takiyuddin Hassan (PN-Kota Bharu) yang mempersoal kenyataan media dikeluarkan AGC berhubung ART yang didakwa seperti jawapan politik dan

Takiyuddin yang juga Ketua Whip PN turut bertanya sama ada memorandum Jemaah Menteri yang diangkat mengenai ART

mendapat ulasan dalam aspek undang-undang daripada AGC.

Pada masa sama Perdana Menteri berkata, pihaknya membangkitkan melalui mesyuarat Jemaah Menteri bahawa ulasan AGC diperlukan bagi memastikan peruntukan perjanjian tidak bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan.

Beliau berkata, dalam perjanjian itu, hak Bumiputera dipertahan, selain ia tidak boleh membelakangkan undang-undang tempatan.

Katanya, dalam aspek perjanjian ART, rundingan perlu dilakukan kerana keputusan dibuat AS bersifat sebelah pihak sahaja seperti negara lain, antaranya Brazil yang tidak bersetuju dengan tarif dikenakan sebelum melaksanakan tindakan sama.

"Kita tidak setuju 19 peratus. Dalam mesyuarat dua hala, Menteri Luar (Datuk Seri Mohamad Hasan) ada, saya sebut dengan Presiden AS (Donald Trump) saya tidak setuju kerana ia mesti di bawah lagi tapi ia

disebabkan keputusan sebelah pihak oleh AS," katanya.

Katanya, Malaysia menggunakan sedaya upaya dalam aspek rundingan perjanjian itu, termasuk membabitkan soal halal yang masih diteruskan perbincangannya.

"Orang pertikai soal halal (dengan mendakwa) Anwar menyerah kepada Amerika'. Yang itu kita masih teruskan. Mana-mana badan yang tidak boleh kita sahkan, kita tidak akan sahkan walaupun daging import dari AS sangat kecil tapi kita masih jaga kedudukan kita," katanya.

Perdana Menteri turut membidas desakan meminta beliau meletakkan jawatan susulan perjanjian ART itu dan mahu desakan seperti itu dihentikan kerana tidak timbul soal pengkhianatan, penajahan atau penyerahan kepada AS melalui perjanjian terbabit, sebaliknya Malaysia bukan satu-satunya negara yang melakukan perjanjian itu kerana negara gergasi ekonomi baharu, China juga me-

lakukan tindakan sama.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia menjadi satu-satunya negara yang mengambil langkah berani dengan menyatakan pendirian terhadap isu Gaza di hadapan Presiden AS, Donald Trump.

"Soal Gaza ini mesti ada penyelesaian komprehensif. Nak sebut apa lagi? Itu sudah maksimum, Negara mana yang sebut depan Trump? Saya sebut kerana saya mewakili Malaysia.

"Presiden Trump melawat berapa negara? Berapa negara yang sebut depan Presiden Trump kita perlu penyelesaian komprehensif? Depan muka beliau, Jadi ini yang kita lakukan," katanya.

Pada masa sama, Perdana Menteri turut membidas tindakan pihak yang masih mempertikaikan usaha Malaysia dalam soal bersuara terhadap Gaza dengan mengheret nama agama, sedangkan negara sudah melaksanakannya sebaik mungkin.